

## Orang Asli di DUN Slim rayu atasi masalah air

Oleh MUHAMAD TARMIZE  
MOHD. NOR

**SLIM RIVER** – Hampir 1,000 penduduk Orang Asli dari empat kampung di dalam daerah Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim merayu masalah air yang dihadapi mereka dapat diselesaikan dengan segera.

Empat kampung Orang Asli tersebut ialah Kampung Changkat Ramu, Kampung Sungai Teras, Kampung Buluh Seruas dan Kampung Sungai Jentong.

Tok Batin Kampung Changkat Ramu, Latah Merah berkata, kebanyakan masalah yang dihadapi penduduk Orang Asli berpunca daripada pam penyedut sumber air mentah dari bawah tanah yang rosak akibat tekanan air rendah ketika musim kemarau.

“Di kampung ini, telah tujuh bulan kami terpaksa bergantung kepada air telaga dan air Sungai Bernam berhampiran untuk kegunaan aktiviti harian.

“Untuk kegunaan harian, kami terpaksa berulang-alik ke sungai yang terletak kira-kira 500 meter. Minum pula, ada yang mampu beli air mineral dari pekan terdekat, namun ada juga yang terpaksa merebus air sungai atau perigi,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mengulas lanjut, Latah berkata, pihaknya ada mengadu ke-



**SEORANG** penduduk Orang Asli, Muzalan Dolah menunjukkan paip air dari tangki yang sudah tidak mengeluarkan air selepas pam di kampung mereka rosak sejak tujuh bulan lalu.

pada Lembaga Air Perak (LAP) untuk mengatasi kesukaran penduduk, namun LAP sendiri menghentikan penghantaran air bersih memandangkan lori tangki air tidak dapat masuk ke kampung kerana jambatan rosak.

Katanya, apa yang membimbangkan ialah risiko yang terpaksa dihadapi mereka apabila menggunakan air sungai termasuk air sungai yang tercemar, arus deras sungai serta bahaya berhadapan dengan buaya.

“Apa yang kami harapkan ialah sekurang-kurangnya kami dapat bekalan air bersih daripada LAP secepat mungkin selain membaiki pam air yang rosak dan membaiki jambatan untuk memudahkan kegunaan penduduk,”

**SPR**  
PRK DUN Slim N58

Pilihan raya:  
29 Ogos 2020

Pengundian awal:  
25 Ogos

### PRK DUN Slim N58

- Jumlah pengundi: 23,094
- Calon:
  - Mohd. Zaidi Aziz, 43 – (BN)
  - S. Santharasekaran, 44 – (Bebas)
  - Amir Khusyairi Mohamad Tanusi 38 – (Bebas)

katanya.

Sementara itu, masalah sama turut dihadapi penduduk Kampung Sungai Teras apabila pam air mereka juga telah rosak sejak 2017 lagi.

Tok Batin Kampung Sungai Teras, Kuloh Bah Rinteh berkata, mereka terpaksa mencari alternatif lain untuk kegunaan harian dengan berulang-alik mengambil air dari punca mata air berhampiran.

“Lebih 40 rumah di kampung ini belum dapat merasai kemudahan elektrik walaupun tiang elektriknya sudah dipasang dua tahun lalu,” jelasnya.